

TAHAP KECERDASAN EMOSI GURU SEKOLAH

Oleh:

**ISHAK HAJI ISMAIL
MAHANI RAZALI**

Universiti Pendidikan Sultan Idris
Tanjong Malim, Perak.

ABSTRAK

Kajian lepas menunjukkan kecerdasan emosi dapat meningkatkan produktiviti, inovasi dan kecekapan organisasi. Salovey dan Mayer telah mendefinisikan EQ sebagai, suatu subset dari kecerdasan sosial yang merujuk kepada kebolehan seseorang meneliti emosi atau perasaan dirinya atau orang lain, membezakan emosi ini dan menggunakannya sebagai panduan membentuk suatu cara fikir dan tindakan. Dalam meniti kecemerlangan hidup, ramai pakar percaya bahawa 80% bergantung kepada kekuatan EQ dan hanya 20% sahaja berdasarkan ketinggian IQ. Pendidikan adalah satu proses yang kompleks dan dipengaruhi oleh banyak faktor penggerak. Penggerak utama pendidikan dalam bilik darjah adalah guru dan mereka seharusnya menggunakan emosi untuk mengarahkan sikap dan cara berikir pelajar supaya mencapai matlamat. Perhubungan dengan pelajar adalah aset utama pengajaran dan harus dimanipulasikan supaya tidak terdapat halangan untuk proses pendidikan. Kajian ini dibuat untuk melihat mengapa guru-guru kini sentiasa bersungut dan tidak bersungguh-sungguh dalam menjalankan tugas mereka. Kajian ini cuba melihat adakah situasi ini mempunyai perkaitan yang rapat dengan faktor tahap kecerdasan emosi yang dimiliki oleh guru-guru tersebut. Kaedah penyelidikan dalam kajian ini adalah kaedah tinjauan yang menggunakan soalselidik yang telah diubahsuai oleh penyelidik iaitu soalselidik bagi mengukur tahap kecerdasan emosi. Adalah diharapkan kajian ini boleh memberi sumbangan ke arah meningkatkan kualiti perkhidmatan keguruan dan juga ke arah memartabatkan profesion ini agar dipandang mulia oleh semua lapisan masyarakat.

PENGENALAN

Pendidikan adalah satu proses yang kompleks dan dipengaruhi oleh banyak faktor penggerak. Penggerak utama pendidikan dalam bilik darjah adalah guru. Justeru itu mereka seharusnya menggunakan emosi untuk mengarahkan sikap dan cara berfikir pelajar supaya mencapai matlamat. Perhubungan dengan pelajar adalah aset utama pengajaran dan harus dimanipulasikan supaya tidak terdapat halangan untuk proses pendidikan. Pengambilan dan latihan perguruan harus mengambil kira hubungan ini sebagai satu ciri guru yang strategik dan kestabilan emosi seharusnya di miliki oleh mereka.

Terdapat di kalangan guru yang sentiasa berpandangan negatif terhadap pekerjaan mereka. Keadaan ini memberi kesan kepada motivasi, gelagat dan kepuasan kerja mereka semasa menjalankan tugas sebagai guru. Justeru itu mereka berkemungkinan mengalami masalah emosi seperti tekanan perasaan, suasana yang menjemukan, kekecewaan, kepenatan, kebimbangan dan suasana yang tidak menyenangkan. Semua ini boleh merendahkan tahap produktiviti kerja mereka.

KONSEP KECERDASAN EMOSI

Dalam kajian yang dibuat oleh Ruisel (1992), beliau mendapati Kecerdasan Emosi adalah berteraskan daripada konsep kecerdasan sosial. Ia mula dikenalpasti oleh E. L. Thorndike pada tahun 1920. Ahli psikologi ini telah menghuraikan kecerdasan yang lain dan mengumpulkan mereka dalam tiga kumpulan iaitu kecerdasan abstrak (kebolehan memahami dan memanipulasi dengan perkataan dan simbol matematik), kecerdasan konkrit (kebolehan memahami dan memanipulasi objek) dan kecerdasan sosial (kebolehan memahami dan mengaitkan dengan orang lain). Thorndike (1920:223) mendefinisikan kecerdasan sosial sebagai kebolehan memahami dan mengurus orang lain sama ada dewasa ataupun kanak-kanak untuk berperanan dengan baik dalam perhubungan sesama manusia.

Dalam kajian Gardner (1983) beliau telah memasukkan unsur-unsur kecerdasan interpersonal dan intrapersonal di dalam Teori Pelbagai Kecerdasannya. Kedua-dua kecerdasan terkandung dibawah kecerdasan sosial. Beliau telah mendefinisikan kedua-duanya sebagai Kecerdasan Interpersonal. Kecerdasan Interpersonal adalah kemampuan untuk memahami orang lain. Antara persoalan yang berkaitan adalah apa yang memotivasikan mereka, bagaimana mereka berkerja dan bagaimana hendak berkerjasama dengan mereka. Jurujual, ahli politik, guru, pegawai-pegawai kesihatan dan ketua-ketua agama yang berjaya, semuanya ini adalah individu yang mempunyai tahap kecerdasan interpersonal yang tinggi.

Kecerdasan Intrapersonal pula adalah berkaitan dengan kemampuan dalaman. Ia adalah keupayaan untuk membina dan membentuk model sendiri yang jelas dan menggunakannya untuk menjalani kehidupan yang berkesan.

Kecerdasan Emosi menggolongkan kecerdasan Intrapersonal dan kecerdasan Interpersonal Gardner (1983) ke dalam lima domain utama iaitu:

1. Mengenali emosi sendiri - melalui kesedaran sendiri, seseorang mengetahui dan memahami emosinya - sedar emosi apa yang sedang merayap di minda akibat sesuatu rangsangan dan cuba kuasai emosi tersebut.
2. Mengurus emosi sendiri - ambil peluang kawal emosi yang sedang menguasai diri. Emosi datang tanpa diundang, tetapi kita yang menentukan berapa lama emosi itu menguasai diri kita.
3. Memotivasikan emosi negatif - Jadikan emosi sebagai alat untuk meningkatkan keupayaan dalam berfikir, merancang dan menyelesaikan masalah.
4. Mengenali emosi orang lain - Amat penting bagi kita kenali perasaan sendiri dahulu kemudian baru cuba menjelajahi dan memasuki emosi orang lain (empati). Ini untuk mengelakkan kekeliruan emosi terutamanya apabila orang lain (pelanggan) mencurahkan emosi mereka.
5. Mengendali perhubungan - Setelah mengenali emosi orang lain dan kita berupaya mengurus diri sendiri serta berempati, maka perhubungan yang positif dan akrab dapat dibentuk

Kecerdasan Emosi atau Emotional Quotient adalah amat penting, terutamanya bagi kita yang sentiasa berurusan dengan pelanggan. Kita tidak boleh membenarkan diri terperangkap dengan emosi negatif seperti marah, benci, sedih, takut akan perubahan, irihati dan lain-lain.

Goleman (1995) pengarang buku *"The Emotional Intelligence"* menegaskan bahawa, penilaian seseorang individu bukan sahaja diasaskan kepada kecerdasan yang ada pada keintelektualannya (IQ) sahaja tetapi yang lebih penting adalah kecerdasan emosi (EQ) yang ada pada dirinya. Mengikutnya lagi kecerdasan intelek (IQ) tidak dapat menjamin kesejahteraan dan keharmonian diri serta hubungannya dengan masyarakat. Kecerdasan Emosi (EQ) mengikut kajian meninggalkan kesan yang mendalam dalam keseluruhan aspek kehidupan termasuk aspek kesihatan dan sosial.

Dalam bidang pekerjaan mengikut Goleman *"... people of high IQ flounder and those of moderate IQ do surprisingly well... Lack of emotional intelligence can sabotage the intellect and ruin careers..."* Ini membawa maksud kejayaan diri dalam pekerjaan perlulah juga diimbangi dengan aspek emosi. Seterusnya beliau mengatakan bahawa setiap individu perlu meningkatkan kemahiran emosi dan menyatakan bahawa terdapat ramai individu yang mempunyai tahap kecerdasan (IQ) yang tinggi tidak berjaya kerana mereka mempunyai masalah dengan kemahiran berhubungan dengan orang lain. Dalam kajiannya, beliau mendapati kekurangan kecerdasan emosi mendorong kepada perhubungan perkahwinan yang lemah dan perhubungan kerja yang tidak produktif.

PERBEZAAN ANTARA EQ DAN IQ

IQ adalah jenis kecerdasan yang dipercayai wujud daripada faktor keturunan atau baka. Manakala EQ pula adalah jenis kecerdasan yang boleh dipelajari. EQ juga boleh dilihat dari aspek keturunan dan juga faktor-faktor lain yang menyumbang perkembangan EQ seperti faktor pendidikan, keluarga dan suasana persekitaran yang boleh mempengaruhi EQ seseorang. Kecerdasan seperti ini sangat berpengaruh terhadap reaksi seseorang dalam menghadapi masalah dan cabaran dalam kehidupan.

KEPENTINGAN EQ

EQ merupakan kecerdasan sosial yang amat penting untuk mendidik manusia menjadi insan yang seimbang. Melalui kecerdasan emosi seseorang itu akan menjadi lebih berjaya dalam hidupnya berbanding dengan individu yang mempunyai IQ yang tinggi. IQ hanyalah alat untuk mengukur kecerdasan kognitif manusia sahaja. EQ pula dapat menjana proses pendidikan yang sempurna bagi kanak-kanak sehingga mereka mencapai usia 18 tahun bagi membentuk insan yang lebih berjaya kerana kecerdasan emosi merangkumi lima domain yang saling berhubung kait, seperti mengenali emosi sendiri, mengurus emosi sendiri, memotivasikan emosi negatif, mengenali emosi orang lain dan mengendalikan perhubungan .

EQ memberi ruang kepada individu untuk meneroka potensi diri sendiri di samping memberi peluang kepada individu menyesuaikan diri dengan emosi diri dan membentuk emosi yang sesuai untuk kepentingan diri dan orang lain. Individu yang mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi dapat mengendalikan emosi yang menguasai dirinya. Individu yang mempunyai IQ yang tinggi sahaja gagal membendung emosi yang menguasai dirinya dan menyebabkan individu tersebut mudah mendapat tekanan (*stress*). Menurut Sohaimi (1998), dalam buku *"Membentuk Kecerdasan Emosi Kanak-kanak"*, EQ bukan sekadar emosi yang dididik oleh kognisi tetapi juga diperkaya dengan unsur kerohanian yang mampu mendidik manusia menjadi insan yang lebih seimbang. EQ dapat menyumbang ke arah pendidikan yang lebih sempurna, sesuai dengan matlamat Falsafah Pendidikan negara.

DEFINISI ISTILAH

Kecerdasan

Menurut Kamus Dewan 1997, kecerdasan boleh didefinisikan sebagai kesempurnaan akal untuk berfikir, mengerti dan lain-lain seperti kepintaran, kecerdikan dan keintelektualan.

Menurut ahli psikologi Jean Peaget kecerdasan bermaksud kebolehan individu berfikir atau menaakul dalam usahanya menyesuaikan diri dengan persekitaran.

Emosi

Menurut Kamus Dewan Edisi Ke-3, emosi boleh dikatakan sebagai perasaan yang kita alami, perasaan jiwa yang kuat seperti sedih, gembira, takut dan lain-lain.

Kecerdasan Emosi (EQ)

Daniel Goleman (1995) mendefinisikan EQ sebagai kemampuan untuk memotivasikan diri sendiri, bertahan dalam menghadapi tekanan, mengawal kehendak hati, bijak menyesuaikan diri dan berkemampuan menjaga tekanan dengan baik.

KAJIAN-KAJIAN LEPAS BERKAITAN KECERDASAN EMOSI

Penyelidik-penyelidik telah mengkaji dimensi kecerdasan emosi dengan mengukur konsepnya. Contohnya kemahiran sosial, kebolehan interpersonal, kematangan psikologikal dan kesedaran emosi lama dahulu sebelum istilah kecerdasan emosi digunakan.

Antara kajian-kajian yang mempunyai perkaitan antara kecerdasan emosi dengan fenomena lain adalah seperti kajian yang dilakukan oleh : kepimpinan (Ashford and Humhprey, 1995), pencapaian kumpulan (William dan Steinberg 1988), pencapaian individu, perubahan sosial / interpersonal dan perubahan pengurusan. (Goleman 1995).

Menurut Goleman (1995 :160) " Kecerdasan emosi, kemahiran yang membantu masyarakat hidup berharmoni adalah semakin dihargai sebagai satu aset ditempat kerja " Ini adalah kerana kecerdasan emosi ini akan dapat membentuk perhubungan secara berkesan, empati dan menghormati perasaan dan pandangan orang lain, pencapaian penilaian sendiri dan perhubungan yang jelas dan menguruskan konflik dengan kaedah mendengar yang aktif dan empati.

Koifman (1998) telah mengkaji perhubungan antara kecerdasan emosi dan kecerdasan kognitif serta perhubungan keduanya dengan kreativiti. EQ telah dengan jelasnya mempunyai korelasi dengan kepuasan hidup. Tiada korelasi yang signifikan yang didapati antara IQ dengan kreativiti atau IQ dan EQ. Malek, M. (2000) telah membuat kajian untuk mencari perhubungan antara kecerdasan intelek dan kecerdasan emosi dengan cara mengukur cara pengurusan konflik. Sampel kajian adalah 98 orang pekerja (majoriti dalam bahagian pengurusan dan profesional). Perhubungan secara statistik dikenal pasti antara EQ-1 dan pada cara pengurusan konflik..

Parker (2002) telah mengkaji hubungan antara kecerdasan emosi dan kekuatan akademik dalam bidang pendidikan. Beliau telah membuat kajian terhadap 870 orang pelajar tahun pertama Universiti Trent. Didapati kejayaan akademik di Universiti adalah berkait rapat dengan kecerdasan emosi. Sementara Allen (2000) pula telah mengkaji perhubungan antara kecerdasan kognitif (IQ) dan kecerdasan emosi (EQ-1) terhadap 60 orang kanak-kanak berumur antara 9 hingga 12 tahun.

Rumusannya terdapat satu perhubungan yang positif antara kecerdasan emosi dan kecerdasan kognitif. Walaubagaimanapun kesan perhubungan adalah agak kecil.

Carso (2000) mengkaji perhubungan antara kecerdasan emosi dan kebolehan istimewa (giftedness) remaja. Kajian dibuat terhadap 100 orang pelajar berumur antara 12 hingga 16 tahun. Keputusan menunjukkan bahawa remaja yang cerdik mencapai skor yang lebih tinggi berbanding pelajar yang tidak cemerlang yang sama umur pada skor EQ, kebolehsuaian dan pengurusan tekanan. Herring (2000) mengkaji perhubungan antara kecerdasan emosi dan sosial kanak-kanak. Sampel kajian adalah 59 orang pelajar berumur antara 9 hingga 12 tahun. Dapatan kajian menunjukkan kecerdasan emosi kanak-kanak mempengaruhi tahap sosial mereka.

Barling dan rakan-rakan (2000) menyelidiki perhubungan antara kecerdasan emosi dan perubahan kepimpinan. Ditunjukkan bahawa kecerdasan emosi boleh dikaitkan dengan 3 aspek perubahan kepimpinan (pengaruh ideal, inspirasi motivasi dan pertimbangan individu) dan ganjaran kontigen. Pengurusan yang aktif dan pasif dikecualikan dan pengurusan bebas (*laissez faire*) tidak dikaitkan dengan kecerdasan emosi. Reiff et al (2001) telah mengukur perhubungan pelajar-pelajar yang bermasalah pembelajaran berdasarkan jantina dengan kecerdasan emosi. Sampel kajian adalah 128 penuntut kolej dengan 54 orang bermasalah pembelajaran (32 lelaki dan 22 perempuan) dan 74 orang tanpa masalah pembelajaran (34 lelaki dan 40 perempuan) di dua buah kolej dan sebuah universiti. Terdapat perbezaan tahap kecerdasan emosi antara pelajar yang mempunyai masalah pembelajaran dan yang tidak bermasalah pada pengurusan tekanan. Juga terdapat perbezaan antara lelaki dan wanita pada kemahiran interpersonal dan perbezaan interaksi pelajar yang mempunyai masalah pembelajaran mengikut jantina pada skala interpersonal.

Stein & Sitarenios (1997) membuat kajian yang menunjukkan wujudnya perhubungan antara skor EQ (kecerdasan emosi), dan kejayaan dalam konteks yang berbeza. Jika membandingkan EQ dan IQ pada kebolehan meramal didapati EQ adalah meramal lebih baik kepada pencapaian kerja. Jae (1997) menyatakan kecerdasan emosi dan keupayaan kognitif sebagai peramal persembahan kerja di sektor perbankan. Kejayaan di sektor perbankan ditetapkan oleh ujian perhubungan antara EQ, IQ dan kejayaan 100 orang pekerja bank. Keputusan kajian menunjukkan tiada perkaitan antara kecerdasan emosi dan keupayaan kognitif. Walau bagaimanapun kajian ini menjelaskan bahawa

EQ adalah lebih berperanan dalam menentukan kejayaan pekerjaan. Reker & Parker (Ogos 1999) telah mengkaji perhubungan antara ibu bapa dan kecerdasan emosi anak-anak mereka dengan masalah tingkahlaku. Tahap Kecerdasan Emosi antara ibu dan bapa didapati tiada perkaitan tetapi tahap kecerdasan emosi ibu memang mempengaruhi kecerdasan emosi kanak-kanak. Walaubagaimanapun kajian ini menjelaskan bahawa EQ adalah lebih berperanan dalam menentukan kejayaan pekerjaan. Reker & Parker (Ogos 1999) telah mengkaji perhubungan antara ibu bapa dan kecerdasan emosi anak-anak mereka dengan masalah tingkahlaku. Tahap Kecerdasan Emosi antara ibu dan bapa didapati tiada perkaitan tetapi tahap kecerdasan emosi ibu memang mempengaruhi kecerdasan emosi kanak-kanak.

Sipsma (2000) pula mengkaji peranan kecerdasan emosi dalam mempengaruhi keberkesanan kumpulan. Beliau telah mengkaji pelajar yang diminta bekerja dalam kumpulan pengurusan sendiri untuk program pendidikan mereka di sekolah perniagaan. Didapati pelajar yang mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi telah mendapat skor keberkesanan kumpulan yang tinggi.

PERNYATAAN MASALAH

Kecerdasan Emosi adalah kecerdikan yang ada dalam diri seseorang yang dikaitkan dengan tahap keupayaan berurusan dengan orang lain, perasaan dan persekitaran sosial harian. Individu yang

mempunyai tahap kecerdasan emosi yang tinggi merupakan orang yang mampu mengawal perasaan dan tingkahlakunya. Mereka akan menjaga perasaan sendiri supaya bebanan tekanan yang dihadapi tidak melumpuhkan kemampuan berfikir secara bijak dan seterusnya mengatur tingkahlaku bermoral. Mereka juga boleh berkomunikasi dan bekerjasama dengan baik dengan individu atau pun kumpulan lain. Sifat empati yang dipunyai menjadikan mereka disenangi dan mampu mententeramkan suasana. Kebiasaannya individu yang mempunyai tahap kecerdasan emosi yang tinggi akan berjaya dalam kerjaya dan kehidupannya.

Kebelakangan ini terdapat banyak rungutan dari kalangan guru tentang ketidakpuasan mereka terhadap kerja mereka. Terdapat rungutan daripada kalangan guru yang bebanan kerja mereka semakin bertambah jika dibandingkan dengan pengiktirafan, atau imbuhan yang diperoleh. Bekerja sebagai guru tidak lagi dipandang tinggi oleh kebanyakan ahli masyarakat. Di sekolah, guru berhadapan dengan pelbagai kerenah pelajar yang semakin sukar dikawal. Masalah disiplin, gejala sosial dari luar sekolah semakin menular ke dalam sekolah. Guru-guru terpaksa berhadapan dengan pelbagai kerenah pelajar, kehendak birokrasi, tuntutan ibu bapa dan negara, di samping mendidik pelajar menjadi orang yang berilmu dan berakhlak mulia. Ada bukti kajian yang menunjukkan bahawa tugas yang memberi banyak tekanan atau stress di kalangan guru mempunyai implikasi yang serius terhadap hasil kerja, kesihatan dan status psikologikal mereka. (Kyriacou & Sutcliffe, 1978; Manthel & Solmon, 1988; O'connor & Clarke, 1990). Tidak kurang juga guru-guru yang bangga terhadap tugas mereka, dan mendapat kepuasan daripadanya. (J.Smilansky, 1984; Ghazali Othman, 1979; Noran Fauziah Yaakob & Sharifah M.Noor, 1990).

Kajian ini bagaimanapun hanya akan mengkaji hubungan tahap kecerdasan emosi guru-guru sahaja. Kecerdasan emosi ini perlu dikaji kerana ia terdapat kajian yang menunjukkan bahawa kecerdasan emosi boleh mempengaruhi kualiti kerja guru. Emosi sebenarnya adalah keadaan kebangkitan seseorang sebagai satu reaksi atau tindakbalas terhadap sesuatu benda atau keadaan. Orang yang matang emosinya tidak selalu bertukar-tukar corak semasa menyatakan emosinya. Kematangan emosi bukanlah satu keadaan di mana semua masalah dapat diselesaikan tetapi lebih merupakan proses yang berterusan bagi memperhalusi, menilai, cuba menggabungkan perasaan, pemikiran, dan tingkahlaku. Kajian lepas menunjukkan kecerdasan emosi dapat meningkatkan produktiviti, inovasi dan kecekapan organisasi.

KEPENTINGAN DAN FAEDAH PENYELIDIKAN

Kajian ini adalah dirasakan perlu dijalankan kerana ia membawa kepada beberapa kepentingan;

- 1) Dapat memberi maklumat dan panduan kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia tentang tahap kecerdasan emosi guru.
- 2) Dapat memberi cadangan kepada pihak Kementerian dan juga JPN dalam menjalankan usaha membentak program bagi kesihatan mental dan rohani.
- 3) Kepada pihak Universiti dan maktab agar hasil kajian dapat dijadikan asas kepada perbincangan kepentingan kecerdasan emosi dan penyediaan program.
- 4) Kepada pihak pengurusan sekolah kajian ini akan membolehkan bantuan diberi kepada guru-guru yang mempunyai tahap kecerdasan emosi yang rendah.
- 5) Kajian ini diharap akan dapat memberi sumber ilmu kepada bidang pengurusan sumber manusia dalam dunia pendidikan khususnya.

OBJEKTIF-OBJEKTIF KAJIAN.

Terdapat 2 objektif kajian:

1. Mengkaji tahap kecerdasan emosi di kalangan guru.
2. Kajian ini juga mengkaji perbezaan tahap kecerdasan emosi mengikut ciri demografi guru.

HIPOTESIS KAJIAN

Objektif pertama akan dihuraikan secara deskriptif dan tidak mempunyai hipotesis kajian. Objektif yang kedua akan dikaji berdasarkan hipotesis berikut:

- H_{o1} Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam aras kecerdasan emosi di antara guru-guru dan sekolah gred A dengan gred B.
- H_{o2} Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam aras kecerdasan emosi di antara guru lelaki dan perempuan.
- H_{o3} Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam aras kecerdasan emosi di antara guru siswazah dengan bukan siswazah.
- H_{o4} Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam aras kecerdasan emosi mengikut status perkahwinan guru.
- H_{o5} Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam aras kecerdasan emosi mengikut peringkat umur guru.
- H_{o6} Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam aras kecerdasan emosi kerja mengikut pengalaman mengajar guru.
- H_{o7} Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam aras kecerdasan emosi mengikut kelulusan akademik guru.

Paras keertian, $p = 0.05$ akan digunakan di dalam menguji hipotesis-hipotesis kajian.

REKA BENTUK KAJIAN

Pembolehubah bersandar dalam kajian ini ialah tahap kecerdasan emosi (EQ). Oleh kerana kajian ini bertujuan untuk menghuraikan tahap kecerdasan emosi guru-guru di Sekolah Menengah di Daerah Batang Padang, Perak maka kaedah tinjauan (survey) telah digunakan. Secara spesifik, kajian ini telah dilaksanakan dalam dua peringkat. Peringkat pertama berfokus kepada pengubahsuaian instrumen daripada soal-selidik BarOn emotional Quotional Inventory (Bar-On) oleh Reuven. Manakala peringkat kedua pula bertumpu kepada pengumpulan data untuk menghuraikan tahap kecerdasan emosi tahap kecerdasan emosi guru-guru di Sekolah Menengah di Daerah Batang Padang, Perak.

Reka bentuk model kajian ini telah dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu pembolehubah bersandar dan pembolehubah tidak bersandar. Pembolehubah bersandar terdiri daripada faktor kecerdasan emosi, manakala pembolehubah tidak bersandar terdiri daripada ciri-ciri demografi seperti jantina, umur, taraf perkahwinan, dan pengalaman kerja.

SAMPEL KAJIAN

Sampel bagi kajian ini adalah terdiri daripada guru-guru yang sedang mengajar di lima buah sekolah menengah di Batang Padang, Perak. Sekolah-sekolah berkenaan terdiri 3 buah sekolah gred A dan 2 buah gred B.

Jumlah sampel yang digunakan dalam kajian ini ialah 285 orang daripada populasi yang berjumlah 300 orang. Pemilihan sampel telah dibuat menggunakan persampelan rawak mudah. Bagi memilih sampel daripada rangka persampelan, cara yang digunakan ialah dengan menggunakan jadual nombor rawak (melalui komputer) (Ahmad Mahzan Ayob, 1991).

ALAT KAJIAN

Kajian ini dijalankan menggunakan soal selidik bagi memperolehi dapatan. Soal selidik dalam kajian ini mengandungi dua bahagian. Bahagian A adalah bagi mengenalpasti ciri-ciri demografi guru dan bahagian B pula adalah berhubung dengan soal-selidik tentang kecerdasan emosi guru. Soal-selidik ini telah diubahsuai oleh penyelidik berdasarkan soal-selidik BarOn emotional Quotional Inventory (Bar-On) oleh Reuven.

Bagi setiap item soal-selidik tahap kecerdasan emosi, responden mesti memilih satu daripada lima pilihan dengan menyatakan pendapat mereka. Markah bagi item positif ialah : **Amat setuju = 5, Setuju = 4, Tidak pasti = 3, Tidak setuju 2, Amat tidak setuju = 1**

TATACARA KAJIAN

Prosedur pengumpulan data dijalankan oleh para penyelidik sendiri. Subjek kajian diminta memberi respon kepada set soal selidik yang diedarkan. Penyelidik menerangkan mengenai kajian secara ringkas serta memaklumkan bahawa segala maklumat yang diberikan adalah dirahsiakan dan hanya digunakan untuk tujuan kajian ini sahaja.

ANALISA DATA

Data-data yang telah dikumpul dianalisis dengan berbantuan program komputer pakej "*Statistical Package for the Social Science (SPSS)*". Semua ujian statistik adalah dijalankan pada aras keertian $p=0.05$. Jika nilai $p<0.05$ perbezaan adalah signifikan, tetapi jika nilai $p>0.05$, ini bermakna tidak terdapat perbezaan yang signifikan. Statistik yang digunakan adalah berkaitan dengan tujuan penyempurnaan objektif kajian. Perihal data secara deskriptif digunakan khususnya untuk mendapatkan maklumat keseluruhan ciri-ciri demografi subjek serta pembolehubah yang utama. Ujian t-test dan ANOVA digunakan untuk melihat samaada faktor demografi mempunyai pengaruh ke atas tahap kecerdasan emosi guru-guru.

BATASAN KAJIAN

Kajian yang dijalankan ini adalah tertumpu kepada guru-guru yang mengajar di sekolah menengah. Maklumat-maklumat yang didapati daripada kajian ini adalah terbatas kepada guru yang sedang berkhidmat di lima buah sekolah yang dipilih sahaja. Ia mengkaji tahap kecerdasan emosi. Segala dapatan daripada kajian ini hanya boleh menggambarkan tahap kecerdasan emosi kerja semua guru sekolah menengah di lima buah sekolah berkenaan sahaja. Ia tidak boleh ditadbirkan untuk semua guru sekolah menengah dan daerah dan negeri lain, kecuali jika mempunyai keadaan dan faktor-faktor yang sama dengan tempat kajian yang dijalankan.

TAHAP KECERDASAN EMOSI KERJA DI KALANGAN GURU

Kaedah diskriptif (mm, frekuensi dan peratus).

Tahap kecerdasan emosi diukur dengan menjumlahkan skor responden untuk keseluruhan soal selidik dengan 82 item. Tiga tahap aras kecerdasan ditentukan iaitu aras rendah, sederhana dan tinggi. Jumlah skor bagi setiap aras kecerdasan emosi adalah seperti pada Jadual Jumlah Skor.

Tahap kecerdasan emosi guru secara keseluruhannya dinilai dengan menganalisa jumlah skor

Jadual Jumlah Skor Untuk Aras kecerdasan emosi

Jumlah Skor	Aras Tekanan
35.5 hingga 83.5	Tekanan Rendah
83.5 hingga 131.5	Tekanan Sederhana
131.5 hingga 179.5	Tekanan Tinggi

setiap responden. Jumlah skor dikelompokkan kepada tiga kumpulan iaitu, 35.5 - 83.5 untuk rendah, 83.5 - 131.5 untuk sederhana, dan 131.5 - 179.5 untuk tinggi.

Berdasarkan jumlah skor mengikut kelompok tersebut, 50 responden (17.5%) mengalami aras

Aras Kecerdasan emosi Guru Berdasarkan Jumlah Skor

Aras	Skor	Freknensi	Peratus
Rendah	35.5 - 83.5	47	16.5
Sederhana	83.5- 131.5	188	66.0
Tinggi	131.5- 179.	5 50	17.5

kecerdasan emosi yang tinggi, diikuti 188 responden (66.0%) berada pada aras sederhana, dan seramai 47 responden (16.5%) mengalami aras yang rendah. Dapatan ini menunjukkan lebih separuh daripada responden (66.0%) mempunyai tahap kecerdasan emosi yang sederhana.

Pada keseluruhannya, nilai min untuk aras kecerdasan emosi bagi keseluruhan skor responden ialah 108.25 iaitu berada pada aras sederhana.

Perbezaan tahap kecerdasan emosi mengikut ciri sosio demografi guru

Pengujian hipotesis dilakukan untuk mengkaji perbezaan aras kecerdasan emosi mengikut ciri sosio demografi guru.

H₁ Tidak terdapat perbezasn yang signifikan dalam aras kecerdasan emosi di antara guru-guru dan sekolah gred A dengan gred B.

Untuk menguji hipotesis ini ujian t tidak bersandar digunakan. Ujian Levene untuk kesetaraan varians menghasilkan $F = 2.867$, $p = 0.090$, maka varians kedua-dua sampel boleh dianggap setara. Seterusnya ujian tidak bersandar dengan anggapan kesetaraan varians digunakan bagi menguji perbezaan aras kecerdasan emosi untuk guru sekolah gred A dan gred B. Hipotesis nol kajian tidak dapat ditolak. Tiada perbezaan yang bererti wujud dalam aras kecerdasan emosi kerja di antara guru dan kedua-dua kategori sekolah tersebut ($t = 0.597$, dk 282, $p = 0.550$) (jadual 1)

Jadual 1

Keputusan Ujian t Bagi Aras Kecerdasan Emosi Mengikut Kategori Sekolah

Gred Sekolah	N	Min	SP	t	Signifikan 2-hujung
Gred A	184	109.88	22.93	0.598	0.550
Gred B	101	108.09	26.19		

H_{1j} Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam aras kecerdasan emosi di antara guru lelaki dan perempuan.

Untuk menguji hipotesis ini, ujian t tidak bersandar digunakan. Ujian Levene untuk kesetaraan varians menghasilkan $F = 3.761$, $p = 0.053$, maka varians kedua-dua sampel boleh dianggap setara. Seterusnya ujian tidak bersandar dengan anggapan kesetaraan varians dijalankan bagi menguji perbezaan aras kecerdasan emosi untuk guru lelaki dan perempuan. Hipotesis nol kajian tidak dapat ditolak. Tidak terdapat perbezaan yang bererti dalam aras kecerdasan emosi di antara guru lelaki dan perempuan ($t = -1.95$, dk = 283, $p = 0.51$) Jadual 2

Jadual 2

Keputusan Ujian t Bagi Aras kecerdasan emosi Mengikut Jantina

Jantina	N	Min	SP	t	Signifikan 2-hujung
Lelaki	102	105.22	25.90	- 1.95	0.51
Perempuan	183	111.32	22.85		

H_{3j} Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam aras kecerdasan emosi di antara guru siswazah dengan guru bukan siswazah.

Ujian Levene untuk kesetaraan varians menghasilkan $F = 1.029$, $p = 0.311$, maka varians kedua-dua sampel boleh dianggap setara. Seterusnya ujian t tidak bersandar dengan anggapan kesetaraan varians dilakukan bagi menguji perbezaan aras kecerdasan emosi di antara guru siswazah dan bukan siswazah. Hipotesis nol kajian tidak dapat ditolak. Tidak terdapat perbezaan yang bererti dalam aras kecerdasan emosi di antara guru siswazah dan bukan siswazah ($t = 1.53$, dk = 283, $p = 0.127$) Jadual 3

Jadual 3

Keputusan Ujian t Bagi Aras kecerdasan emosi Mengikut Kategori Perkhidmatan

Kategori	N	Min	SP	T	Signifikan 2-hujung
DG3	174	110.99	23.68	1.53	0.127
DG6	111	106.52	24.61		

H₄ Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam kecerdasan emosi kerja mengikut status perkahwinan guru.

Hipotesis diuji dengan menggunakan ujian t tidak bersandar. Ujian Levene untuk kesetaraan varians menghasilkan $F = 0.175$, $p = 0.676$, maka varians kedua-dua sampel boleh dianggap setara. Seterusnya ujian t tidak bersandar dengan anggapan kesetaraan varians dilaksanakan bagi menguji perbezaan aras kecerdasan emosi untuk guru bujang dan berkahwin. Hipotesis nol kajian tidak dapat ditolak. Tiada perbezaan dalam aras kecerdasan emosi di antara guru bujang dan berkahwin ($t = 1.404$, $dk = 283$, $p = 0.161$) - Jadual 4

Jadual 4

Keputusan Ujian t Bagi Aras kecerdasan emosi Mengikut Taraf Perkahwinan

Taraf Perkahwinan	N	Min	SP	t	Signifikan 2-hujung
Bujang	55	113.34	23.67	1.404	0.161
Berkahwin	230	108.27	24.1		

H₅ Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam aras kecerdasan emosi mengikut peringkat umur guru.

Bagi menguji hipotesis ini, Ujian Analisis Varian Satu Hala (one-way ANOVA) digunakan. Hasil Ujian ANOVA ditunjukkan dalam jadual 5 di bawah.

Jadual 5

Ujian ANOVA Bagi Aras Kecerdasan Emosi Mengikut Umur

Sumber Variasi	SS	Dk	MS	Signifikan 2-hujung	
Olahan	10005.13	4	2501.28	4.517	0.001 *
Ralat	155052.7	280	553.76		
Jumlah	165057.8	284			

Hipotesis nol kajian ditolak. Wujud perbezaan aras tekanan kerja bagi pelbagai peringkat umur ($F = 4.517$, $dk = 4/280$, $p = 0.001$). Seterusnya ujian Tukey HSD dilakukan untuk menentukan pasangan umur manakah yang menunjukkan perbezaan yang bererti. Analisis ujian Tukey ditunjukkan dalam Jadual 6 di bawah.

Jadual 6

Analisis Ujian Tukey Perbezaan Aras Kecerdasan Emosi Mengikut Umur

Umur		<25	26 - 30	31 - 35	36 - 40	>41
	Min	120.43	116.64	11.50	9.07	20.21
< 25	120.43		3.79	7.71	5.28	16.42**
26 - 30	116.64				-2.43	8.70
31 - 35	108.93					11.14
36 - 40	111.36					
>41	100.22					

** $p < 0.01$

Berdasarkan ujian Turkey HSD, perbezaan yang bererti pada $\alpha = 0.05$, wujud untuk aras kecerdasan emosi bagi kumpulan umur 26 hingga 30 tahun dengan kumpulan umur 41 tahun ke atas. Kumpulan umur 26 - 30 tahun mengalami aras yang lebih tinggi berbanding kumpulan umur 41 tahun ke atas.

H₅ Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam aras kecerdasan emosi mengikut pengalaman mengajar guru.

Analisis Varian Satu Hala (one-way ANOVA) digunakan bagi menguji hipotesis ini. Hasil ANOVA ditunjukkan di dalam Jadual Ujian ANOVA Bagi Aras kecerdasan emosi mengikut Pengalaman Mengajar.

Jadual 7

Ujian ANOVA Bagi Aras Kecerdasan Emosi Mengikut Pengalaman mengajar guru

Sumber Variasi	SS	Dk	MS	F	Signifikan 2-hujung
Olahan	6372.93	4	1593.23	2.81	0.026*
Ralat	158684.9	280	566.73		
Jumlah	165057.8	284			

Hipotesis nol kajian ditolak. Keputusan Ujian ANOVA menunjukkan wujud perbezaan aras kecerdasan emosi bagi pelbagai peringkat pengalaman mengajar guru ($F = 2.81$, dk 4/280, $p = 0.026$).

Seterusnya ujian Tukey HSD dilakukan untuk menentukan pasangan pengalaman mengajar di kalangan guru manakah yang menunjukkan perbezaan yang bererti. Analisis ujian Tukey HSD ditunjukkan di dalam jadual 8 di bawah.

Jadual 8

Analisis Ujian Turkey Perbezasn Aras Kecerdasan Emosi Mengikut Pengalaman Mengajar Guru

Pengalaman		1 - 5	6 -10	11 - 15	16 -20	>21
	Min	116.64	108.03	107.71	107.10	102.40
1 - 5	116.64		8.61	8.93	9.56	14.24*
6 -10	108.03			0.32	0.95	5.63
11- 15	107.71				0.63	5.31
16-20	107.10					4.70
>21	102.40					

* $p < 0.05$

Berdasarkan ujian Tukey HSD perbezaan yang bererti pada $\alpha = 0.05$, wujud untuk aras kecerdasan emosi bagi kumpulan guru yang berpengalaman 1 hingga 5 tahun dengan kumpulan guru yang berpengalaman 21 tahun ke atas. Kumpulan guru yang berpengalaman 1 hingga 5 tahun mempunyai aras kecerdasan emosi yang lebih tinggi berbanding kumpulan guru yang berpengalaman 21 tahun ke atas.

H_0 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam aras kecerdasan emosi mengikut kelulusan akademik guru.

Ujian Analisis Varian Satu Hala digunakan untuk menguji hipotesis ini. Hipotesis nol kajian tidak dapat ditolak. Tiada sebarang perbezaan dalam aras tekanan kerja mengikut kelulusan akademik sampel ($F = 0.991$, dk 4/280, $p = 0.413$). Lihat jadual 9 di bawah :

Jadual 9

Ujian ANOVA Bagi Aras Kecerdasan Emosi Mengikut Kelulusan Akademik

Sumber	SS	Dk	MS	F	Signifikan2-hujung
Olahan	2304.03	4	576.01	0.991	0.413
Ralat	162753.78	280	581.26		
Jumlah	165057.8	284			

RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Objektif 1: Aras Tekanan Kerja Guru

Dapatan kajian menunjukkan 16.5% responden berada pada tahap kecerdasan emosi rendah, 66% responden berada pada tahap kecerdasan emosi sederhana dan 17.5% berada pada tahap kecerdasan emosi yang tinggi. Rumusan Keputusan Hipotesis Perbezaan Aras Kecerdasan Emosi Mengikut Ciri Demografi Guru

H₁ Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam aras kecerdasan emosi di antara guru-guru dan sekolah gred A dengan gred B.

Keputusan: Hipotesis nol kajian tidak dapat ditolak

H₂ Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam aras kecerdasan emosi di antara guru lelaki dan perempuan.

Keputusan Hipotesis nol kajian tidak dapat ditolak.

H₃ Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam aras kecerdasan emosi di antara guru siswazah dengan guru bukan siswazah.

Keputusan: Hipotesis nol kajian tidak dapat ditolak.

H₄ Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam aras kecerdasan emosi mengikut status perkahwinan guru.

Keputusan Hipotesis nol kajian tidak dapat ditolak

H₅ Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam aras kecerdasan emosi mengikut peringkat umur guru.

Keputusan Hipotesis nol kajian ditolak.

Wujud perbezaan yang signifikan di dalam aras kecerdasan emosi mengikut peringkat umur guru.

Perbezaan ini signifikan antara kumpulan umur 26 hingga 30 dengan kumpulan umur lebih 41 tahun, di mana kumpulan guru yang berumur 26 hingga 30 tahun mengalami aras kecerdasan emosi yang lebih tinggi berbanding kumpulan guru yang berumur 41 tahun ke atas

H₆ Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam aras kecerdasan emosi mengikut pengalaman mengajar guru.

Keputusan: Hipotesis nol kajian ditolak.

Wujud perbezaan yang signifikan di dalam aras kecerdasan emosi mengikut pengalaman mengajar guru.

Perbezaan ini signifikan untuk kumpulan guru yang berpengalaman; mengajar 1 hingga 5 tahun dengan kumpulan guru yang berpengalaman 21 tahun ke atas. Guru yang mempunyai pengalaman mengajar 1 hingga 5 tahun mempunyai tahap kecerdasan emosi yang lebih tinggi berbanding guru yang berpengalaman mengajar lebih dari 21 tahun.

H₇, Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam aras kecerdasan emosi mengikut kelulusan akademik guru.

Keputusan: Hipotesis nol kajian tidak dapat ditolak

CADANGAN-CADANGAN UNTUK MENINGKATKAN TAHAP KECERDASAN GURU-GURU

Hasil daripada kajian ini, pengkaji cuba mengemukakan beberapa cadangan yang difikirkan sesuai untuk meningkatkan tahap kecerdasan guru bagi mengurangkan kemelut tekanan kerja di kalangan guru. Antaranya ialah guru hendaklah menghayati Falsafah Pendidikan Guru di Malaysia. Antara intipati Falsafah tersebut ialah Guru yang pekerti mulia, berpandangan progresif dan saintifik, bersedia menjunjung aspirasi negara serta menyanjung warisan kebudayaan negara.

Antara cadangan yang lain ialah pihak sekolah menganjurkan kursus motivasi kepada guru-guru di sekolah-sekolah. Kursus ini bertujuan untuk membina kekuatan psikologi guru dan membina jatidiri mereka mendidik pelajar-pelajar berjaya dalam pelajaran dan kehidupan.

Kursus-kursus perguruan yang dikendalikan oleh maktab-maktab perguruan dan universiti khususnya Universiti Pendidikan Sultan Idris mestilah relevan dengan keperluan guru-guru di sekolah. Guru-guru perlu didedahkan dengan situasi dan kondisi sebenar di sekolah agar pengajaran dan pembelajaran di universiti relevan dengan keperluan di sekolah masakini.

Guru juga perlu menghayati profesion perguruan. Antaranya ialah dengan meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam pengajaran dan pembelajaran.

Pihak sekolah juga perlu menyediakan peluang-peluang pembelajaran kecerdasan emosi menerusi program-program khas seperti Sekolah Penyayang, Kem Motivasi untuk guru dan sebagainya. Selain daripada itu, sekolah juga boleh memperkenalkan program-program intervensi yang khusus untuk membantu guru-guru meningkatkan tahap kecerdasan emosi. Contoh program yang pernah dilaksanakan di luar negara yang dapat dicontohi ialah seperti Projek Perkembangan Sosial di Seattle; Program Promosi Ketrampilan Sosial di Yale, New Haven; dan Projek Meningkatkan Kesedaran Sosial dan Penyelesaian Masalah Sosial di New Jersey;

RUMUSAN

Secara keseluruhan, dapatan kajian ini merupakan pembuka mata bahawa kecerdasan emosi adalah kemahiran hidup yang penting. Kecerdasan emosi tidak boleh dibiarkan berkembang secara semulajadi. Manusia perlu diajar, disedari dan dibimbing dalam hal-hal berkaitan dengan kecerdasan emosi. Sebagai pendidik kecerdasan emosi merupakan sesuatu yang amat penting. Ini adalah kerana pendidikan adalah satu proses yang kompleks dan dipengaruhi oleh banyak faktor penggerak. Penggerak utama pendidikan dalam bilik darjah adalah guru dan mereka seharusnya menggunakan emosi untuk mengarahkan sikap dan cara berfikir pelajar supaya mencapai matlamat. Perhubungan dengan pelajar adalah aset utama pengajaran dan harus dimanipulasikan supaya tidak terdapat halangan untuk proses pendidikan.

RUJUKAN

- Bandura, A. (1977). *Social learning theory*. New Jersey: Prentice Hall.
- Cross, J. (1995, Sept). Does your emotional intelligence quotient (EQ) mean more than your IQ.? USA Weekend, September, pp 21-22
- Elias, M.J. & Clabby, J. (1992). *Building social problem solving skills: Guidelines from a school based program*. San Francisco: Jessy-Bass.
- Gibbs, N. (1995, Oct). The EQ factor. *Time Magazine*, 146, (14).
- Goleman, D. (1995). What's your emotional intelligence quotient? Utne Reader, Nov/Dec 1995 (Dokumen Internet <http://trochim.human.cornell.edu>).
- Goleman, D. (1996). *Emotional intelligence*. London: Bloomsbury.
- Goleman, D. (1996, May) What's your emotional IQ? *Reader's Digest*, May, 17-20
- Harris, J.R. & Liebert, R.M. (1991). *The child*. (3rded.). New Jersey: Prentice Hall.
- Hawkins, J.D. et al., (1992). *The Seattle Social Development Project: The prevention of antisocial behavior in children*. New York: Guilford.
- Lim, J. (1997, Jan). You are smarter than you think. *Female*, 30-34.
- Lochman, J. (1994). Social cognitive processes of severely violent, moderately aggressive and non aggressive boys. *Journal of Clinical and Consulting Psychology*, Sept.
- Long, M. (1996). An interview with Daniel Goleman. *Heart Smarts*. (Documen Internet <http://www.homearts.com>)
- Mahmood Nazar Mohamed. (1992). Pengantar psikologi. *Satu pengenalan asas kepada jiwa dan tingkah laku manusia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Park, A. (1995, Oct). One way to test your EQ. *Time Magazine*, 146, (14).
- Pusat Perkembangan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia. (1983). *Garis panduan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shaffer, D.R. (1996). *Developmental psychology: Childhood and adolescence* (4th ed). Cole: Brooks.
- Shapiro, L. (1997). How to raise your child 's EQ? New York: Harper.
- Twelve year old boy beats teacher to death in South China. (1997, 23 Oct). *The Borneo Post*.
- Weissberg, R.P. & Elias, M.J. (1990). School based social competence promotion as a primary prevention strategy: A tale of two projects. *Prevention in Human Services*, 7, (1), 177-200
- Young, C.A. (1996). *Emotions and emotional intelligence*. (Dokumen Internet <http://trochim.human.cornell.edu>).

